

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 42

RUANGAN : SETEMPAT

Georgetown

**MDA keluar lebih 2,000 lesen**

Lebih 2,000 lesen penubuhan sudah dikeluarkan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) kepada pemain industri perubatan

di negara ini mengikut Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737).

Menteri Kesihatan Datuk Seri S Subramaniam berkata, daripada jumlah itu, 1,200 terdiri daripada wakil syarikat serta 294 pengilang, manakala 500 lagi pengedar dan pengimport peranti perubatan.

Beliau berkata, sejak akta berkenaan dikuatkuasakan pada 2013, RM750,000 dikutip MDA daripada lesen dikeluarkan dan hampir 140,000 peranti perubatan sudah

didaftarkan.

"Sejak dikuatkuasakan, 109 aktiviti penguatkuasaan dijalankan MDA termasuk menjalankan siasatan, pengeluaran amaran dan perundangan.

"Kami mahu pastikan semua alat peranti perubatan dalam negara bermutu, berfungsi dengan baik serta mempunyai nilai selaras di peringkat antarabangsa," katanya selepas merasmikan Persidangan Peranti Perubatan Antarabangsa 2017.

